KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN FEBRUARI 2019

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

DEWAN SERI LESTARI, ARAS B1, KPLB

28 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sayangi Malaysiaku

Yang Berhormat Tuan Sivarasa K. Rasiah
Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Yang Berbahagia Datuk Che Murad Sayang Bin Ramjan
Yang Berusaha Puan Hajjah Norison Binti Ramli

Ketua-Ketua Pengarah,Pengurus-Pengurus Besar, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, dan rakan-rakan media serta para usahawan penerima Skim Pembiayaan Ekonomi Desa

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang saya hormati sekalian

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapatlah kita semua berada di dalam suasana yang selesa dan harmoni untuk Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

2. Bulan Februari telah sampai di penghujungnya. Terasa begitu cepat masa berlalu, namun semangat, keazaman bagi mencapai hala tuju baharu Kementerian perlu bergerak seiring dengan putaran masa yang pantas. Mekanisme bagi menggerakkan agenda pembaharuan yang telah digariskan dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar perlu diberi perhatian oleh semua warga Kementerian bagi memastikan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang telah digubal mencatat kejayaan.

3. Dalam memastikan kejayaan dalam pelaksanaan sesuatu dasar, elemen transformasi, inovasi dan fleksibiliti perlu digarab dalam setiap perancangan yang dibentuk. Dalam harus modenisasi, fleksibiliti dalam setiap perkara boleh dijadikan satu asas kejayaan sesuatu strategi.

4. Fleksibiliti yang membawa maksud boleh diubah dan disesuaikan dengan mudah merupakan nilai yang perlu diterapkan dalam dasar/polisi yang dibentuk memandangkan keadaan ekonomi dunia pada masa kini lebih mencabar dan bersifat dinamik. Perubahan yang berlaku di sekeliling kita terlalu pantas dan kadangkala sukar untuk dikawal.

5. Sehubungan itu, setiap daripada kita perlu bersikap fleksibel, terbuka dan tidak bersikap *rigid* khususnya dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Bersikap *rigid* hanya akan menyebabkan manusia terhalang dari bersikap kreatif sehingga kita tidak dapat melihat dan meneroka perspektif dan peluang baharu yang lain.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Bagi memastikan fleksibiliti dalam Perkhidmatan Awam, saya ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 12 Februari 2019 telah memutuskan untuk melaksanakan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) **secara rintis** di semua Kementerian/ Jabatan Persekutuan.

7. Sebanyak lapan (8) negeri telah dipilih dalam projek rintis ini iaitu Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Perlis, Selangor, Johor, Terengganu, Perak, Sabah dan Sarawak bermula 1 Mac 2019 (termasuk di pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar negeri yang terlibat).

8. Untuk makluman semua, waktu bekerja baharu Penjawat Awam mulai 1 Mac 2019 akan bermula pada jam 7.30 hingga 8.30 pagi dan semua penjawat awam dikehendaki untuk memenuhi 9 jam tempoh masa bekerja.

9. Saya menyeru bahawa semua warga Kementerian dapat memberi komitmen kepada projek rintis yang dijalankan ini dan memastikan perkara ini dilaksanakan dengan penuh berintegriti.

Hadirin Yang Dihormati sekalian,

10. Sebagaimana kita semua sedia maklum, perniagaan dan keusahawanan merupakan aktiviti ekonomi terpenting bagi menjana pendapatan dan kekayaan. Dalam konteks hari ini, aktiviti keusahawanan adalah semakin penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Ini dapat dilihat semasa pembentangan belanjawan 2019 di mana salah satu daripada tiga fokus utama belanjawan 2019 adalah untuk memupuk budaya negara usahawan.

11. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016, **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menyumbang 98.5% atau 907,065 perniagaan daripada jumlah komuniti perniagaan di Malaysia**. Kebanyakan PKS menceburi bidang perkhidmatan (89.2%) di mana perkhidmatan terbesar disumbangkan PKS adalah perniagaan pemborongan dan peruncitan sebanyak 51.2% dan perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 20.4%. Lain-lain bidang diceburi adalah pengeluaran (5.3%), pembinaan (4.3), pertanian (1.1%) dan perlombongan dan kuari (0.1%).

12. Pada tahun 2017, PKS menyumbang sebanyak RM435.1 bilion kepada ekonomi negara dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi sebanyak 7.2% berbanding dengan 5.2% yang dicatatkan pada tahun 2016. Selain itu, PKS turut menyediakan sebanyak **66% daripada jumlah pekerjaan di negara ini** iaitu peningkatan berbanding 65.3% berbanding pada tahun 2016. Sumbangan PKS terhadap eksport pula direkodkan sebanyak 17.3%.

13. Justeru, masyarakat luar bandar juga tidak ketinggalan dalam memacu ekonomi negara khususnya aktiviti keusahawanan. Dalam hal

ini, boleh dikatakan hampir keseluruhan usahawan luar bandar dikategorikan sebagai PKS. Berdasarkan rekod, seramai 83,934 usahawan berdaftar dengan KPLB di bawah kategori usahawan luar bandar. Majoritinya iaitu 44% menceburi bidang perkhidmatan dan 27% menceburi bidang makanan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 di mana pelan tersebut memberi fokus kepada memperkasa usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif untuk masyarakat luar bandar.

15. Salah satu strategi di bawah teras tersebut adalah berteraskan teknologi dan inovasi melalui lapan (8) program yang disenaraikan. Ini merupakan satu langkah positif ke arah mewujudkan usahawan luar bandar yang berdaya saing.

16. Sejajar dengan pelan tersebut, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah berjaya mengadakan Ekspo Inovasi dan Teknologi Keusahawanan Desa 2018 (INOTEKDESA) pada 15 hingga 18 November 2018 yang lalu di MITC, Ayer Keroh, Melaka.

17. Inotekdesa yang julung kali diadakan tersebut telah melibatkan sebanyak 406 penyertaan yang terdiri daripada 70 *booth* pameran mesin, 272 *booth* jualan dan perkhidmatan, 24 *booth* pembiayaan dan penajaan, 24 *booth* agensi kerajaan dan persatuan, 10 buah *food truck* dan 6 buah *F&B Outdoor.* Inotekdesa telah mencatat jumlah pengunjung

seramai 58,458 orang dan jumlah jualan sebanyak RM904,000 serta jumlah tempahan sebanyak RM3.8 juta.

18. INOTEKDESA telah berjaya menemukan pihak usahawan dengan syarikat-syarikat pembekal mesin peralatan yang bersesuaian untuk mengembangkan perniagaan masing-masing. Dalam usaha murni tersebut juga, Kementerian telah mengenalpasti 39 orang usahawan yang telah mengambil usaha untuk memohon pembiayaan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) yang disediakan oleh Kementerian ini.

19. Pada hari ini, **Kementerian ini mengambil inisiatif untuk menyerahkan *mock cheque* kepada 19 daripada usahawan tersebut yang dapat hadir pada hari ini** sebagai tanda simbolik kesinambungan kejayaan pelaksanaan Inotekdesa. Semoga dengan pembiayaan ini dapat memberi peluang kepada ramai usahawan yang menghadapi kekurangan modal untuk memajukan dan mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih baik.

20. Dalam hubungan yang sama, di premis KPLB telah ada usahawan KOPIESATU yang menunjukkan bahawa Kementerian sentiasa memberi sokongan padu kepada pengembangan aktiviti perniagaan golongan usahawan ini. Saya difahamkan bahawa kiosk KOPIESATU yang telah mula beroperasi pada awal Januari lalu telah mendapat sambutan dan jualan yang menggalakkan. Justeru, saya percaya pada tahun 2019 ini banyak lagi program dan aktiviti keusahawanan secara bersepadu akan dilaksanakan di semua peringkat yang melibatkan kolaborasi Kementerian dengan agensi-agensi bersama masyarakat luar bandar. Besarlah harapan saya untuk melihat kejayaan yang lebih besar

dari kalangan usahawan-usahawan luar bandar ini menerokai pasaran ke luar negara. Tidak mustahil untuk berjaya dengan adanya azam dan kesungguhan yang konsisten.

Hadirin yang Dihormati sekalian,

21. Sejajar dengan matlamat Rancangan Malaysia Ke11 iaitu Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat, pelbagai strategi dikenal pasti bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40). Antara inisiatif yang digariskan di bawah strategi tersebut adalah menyediakan program pembangunan keusahawanan yang bersepadu serta menggalakkan penerimagunaan teknologi moden dan amalan terbaik.

22. Selaras dengan inisiatif berkenaan serta pelaksanaan INOTEKDESA, pada tahun ini KPLB akan mengadakan Karnival Usahawan Desa (KUD) pada 17 hingga 21 Oktober 2019 di Putrajaya. Kementerian ini juga akan mengadakan empat (4) jelajah KUD sebelum KUD di Putrajaya. Jelajah KUD yang akan diadakan iaitu Jelajah KUD Midtown, Tasik Gelugor, Pulau Pinang pada 29 hingga 31 Mac 2019. Jelajah KUD Taman Syahbandar, Kuala Terengganu, Terengganu pada 25 hingga 27 April 2019. Jelajah KUD KEDA Mall, Kulim, Kedah pada 27 hingga 29 Jun 2019. Jelajah KUD Sabah pada 22 hingga 25 Ogos 2019. Saya berharap KUD 2019 akan memperkukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan jaringan antara usahawan luar bandar dan pembekal mesin serta seterusnya meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan para usahawan serta meninggikan produktiviti mereka.

23. Akhir kata, saya ingin mengajak semua warga KPLB dan agensi-agensi di bawahnya agar kita dapat bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan dalam menjayakan agenda Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar sepertimana yang diharapkan oleh masyarakat luar bandar.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Majlis Perhimpunan Bulanan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
28 Februari 2019